


GP020-A GP

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PADANG GOLF



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PADANG GOLF



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
2013**

Cetakan Pertama 2013

© Hak Cipta

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara,
sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan
sebagainya tanpa kebenaran bertulis
daripada Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 978-983-2839-32-3

Diterbitkan di Malaysia

oleh

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tel: 03 – 2081 6000 Faks: 03 – 2094 1170

Pemberitahuan

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 01/2013 pada 26 Februari 2013.

Garis panduan ini menggantikan Piawaian Perancangan dan Pembangunan Padang Golf JPBD 5/1997 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Garis Panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain, sama ada daripada segi subjek atau pun pertapakan yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan rancangan struktur, rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas.

Garis Panduan ini juga perlu dibaca bersama dengan garis panduan lain yang berkaitan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan juga agensi teknikal serta kementerian lain.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. TUJUAN	1
2. DEFINISI	1
2.1 Sukan Golf	1
2.2 Padang Golf	1
2.3 Lapang Sasar Golf	1
2.4 Akademi Golf	2
3. SKOP	2
4. PRINSIP PERANCANGAN	2
4.1 Alam Sekitar dan Estetik	2
4.2 Selesa dan Harmoni	3
4.3 Selamat	3
4.4 Kemudahsampaian	4
5. GARIS PANDUAN UMUM	4
5.1 Klasifikasi Guna Tanah	4
5.2 Zon Penampapan	4
5.3 Kolam Takungan	5
6. GARIS PANDUAN KHUSUS	7
6.1 Padang Golf	7
6.2 Lapang Sasar Golf	11
6.3 Akademi Golf	15

SENARAI FOTO

- Foto 1 : Contoh *driving bay* di lapang sasar golf
- Foto 2 : Contoh *target marker* di lapang sasar golf
- Foto 3 : Contoh aplikasi *water hazard* sebagai penampapan (antara rumah dengan *fairway*)
- Foto 4 : Contoh tempat letak *buggy*
- Foto 5 : Contoh kafetaria di *halfway hut* untuk kemudahan pemain golf berehat
- Foto 6 : Contoh kedai menjual peralatan golf
- Foto 7 : Jaring keselamatan yang disediakan di lapang sasar golf
- Foto 8 : Ruang tempat duduk di belakang *driving bay*
- Foto 9 : Reka bentuk tempat letak *buggy*

- Foto 10 : Contoh *practice mat* di dalam *teaching studio*
Foto 11 : Contoh-contoh suasana pembelajaran di akademi golf

SENARAI RAJAH

- Rajah 1 : Komponen sesebuah padang golf
Rajah 2 : Zon penampakan dengan jarak minimum 30 meter
Rajah 3 : Cadangan susun atur kawasan kediaman di dalam padang golf
Rajah 4 : Ilustrasi zon penampakan dalam bentuk jalan raya, pokok, kolam dan *bunker* sekiranya kediaman dibangunkan berselari dengan *fairway*
Rajah 5 : Cadangan jarak minimum *fairway*
Rajah 6 : Cadangan ukuran minimum *driving bay*

GLOSARI

Teeing Shot

Jenis pukulan yang dibuat daripada *tee box*.

Tee

Berbentuk seperti paku yang dipasakkan di dalam *tee box* untuk meletakkan bola golf yang akan dipukul.

Practice Mat

Alas yang direka bentuk khusus seperti sebidang rumput sebagai tempat untuk memulakan pukulan di lapang sasaran atau akademi golf.

Putting

Pukulan yang dilakukan di atas *green* dan menggunakan *putter* dan merupakan pukulan paling sukar bagi pemain.

Chipping

Pukulan yang rendah ketika bola dihayunkan rendah dan kemudian bergulir mengarah ke *green*.

Practice Bunker

Rintangan perangkap pasir yang direka untuk tujuan latihan di dalam *green*.

1. TUJUAN

Garis panduan perancangan ini disediakan bertujuan untuk membantu pihak berkepentingan dalam merancang, mereka bentuk, mengawal dan membangunkan padang golf, lapang sasar golf dan akademi golf.

2. DEFINISI

2.1 SUKAN GOLF

Sukan golf merupakan satu sukan padang yang perlu menggunakan satu set kayu golf (*golf club*) dan bola khas dan dimainkan mengikut undang-undang yang digariskan oleh *Royal and Ancient Golf Club of St. Andrews (R&A)* di *Scotland* dan *United State Golf Association (USGA)*.

Sukan ini boleh dimainkan secara individu atau berkumpulan, dimana pemain perlu memukul bola bermula dari *tee box* ke dalam lubang di *green* dengan bilangan pukulan yang minimum.


Di Malaysia, sukan golf kini semakin mendapat perhatian dunia menerusi kejohanan yang diadakan justeru pembangunan prasarana sukan golf yang baik akan membantu ke arah memajukan masa depan sukan negara.

2.2 PADANG GOLF

Sebuah padang golf dibangunkan dengan 9 atau 18 siri lubang. Namun bergantung kepada keluasan kawasan pembangunan, ia juga boleh dibangunkan dengan 27, 36, 54 atau lebih siri lubang. Reka bentuk padang golf bergantung kepada keadaan bentuk muka bumi kawasan tersebut dan peletakan kemudahan asas yang diperlukan.

Rajah 1 menunjukkan komponen-komponen asas bagi sesebuah padang golf.

Rajah 1: Komponen sesebuah padang golf



2.3 LAPANG SASAR GOLF

Lapang sasaran golf merupakan kemudahan yang digunakan oleh pemain golf membuat latihan pukulan serta medan pembelajaran bermain golf kepada pemain yang baru menceburi sukan ini.

Lapang sasaran golf kebiasaannya dibangunkan sebagai salah satu kemudahan di padang golf. Namun, ia juga boleh dibangunkan berasingan (*stand alone activity*) untuk tujuan rekreasi komersil yang kebanyakannya terdapat di kawasan pusat bandar.

Komponen lapang sasaran golf merangkumi *driving bay* (rujuk **Foto 1**), *range* dan *target marker* yang menandakan jarak pukulan (rujuk **Foto 2**). Aspek keselamatan juga perlu diambil kira untuk mengelakkan impak negatif.

Foto 1: Contoh *driving bay* di lapang sasaran golf



Foto 2: Contoh *target marker* di lapang sasaran golf



2.4 AKADEMI GOLF

Akademi golf merupakan keperluan kemudahan sukan golf yang sudah mula terkenal di Malaysia. Akademi golf berperanan sebagai pusat bimbingan untuk mengasah bakat-bakat baru dalam sukan ini terutamanya kanak-kanak ataupun kepada pemain senior yang ingin meningkatkan mutu permainan.

Di Malaysia, kebanyakan akademi golf dibangunkan secara *attached* kepada lapang sasaran golf bagi membolehkan para pemain menjalani sesi latihan. Namun, akademi golf juga boleh dibangunkan berasingan (*stand alone activity*).

Berbanding lapang sasaran golf, terdapat beberapa komponen khas perlu disediakan untuk menyokong aktiviti di akademi golf (rujuk **Bahagian 6.3**).

3. SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan perancangan ini memperincikan aspek-aspek berkaitan dengan prinsip-prinsip perancangan, garis panduan umum dan garis panduan khusus bagi pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf.

Antara aspek yang diberi penekanan ialah:

- i. kelestarian alam semula jadi, keharmonian integrasi guna tanah dan perancangan kawalan keselamatan;
- ii. penentuan zon penampan;
- iii. perincian perancangan fizikal kawasan pembangunan; dan
- iv. penentuan komponen-komponen kemudahan.

4. PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip perancangan seperti yang berikut:

4.1 ALAM SEKITAR DAN ESTETIK

Mengambil kira pemeliharaan alam sekitar merupakan prinsip penting bagi memastikan nilai estetik semula jadi sesebuah kawasan terus terpelihara.

Perancangan dan pembangunan padang golf perlu mengekalkan ciri-ciri topografi semula jadi dan sistem saluran sedia ada seperti kawasan sungai, tasik dan mana-mana badan air.

Namun, kawasan pembangunan padang golf tidak digalakkan merentasi saluran sedia ada sekiranya ia merupakan sumber air kegunaan penduduk setempat kerana dikhuatiri akan tercemar oleh sebab aktiviti penyelenggaraan rumput di padang golf.

Reka bentuk sesebuah padang golf perlu meminimumkan kerja-kerja tanah bagi memastikan aktiviti pembangunan tidak mencemarkan alam sekitar dan merosakkan aset semula jadi di kawasan tersebut.

4.2 SELESA DAN HARMONI

Pembangunan guna tanah lain seperti perumahan dan kemudahan sokongan perlu disepadukan secara selesa dan harmoni, selaras dengan keadaan semula jadi serta susun atur padang golf. Kesyukuran guna tanah antara padang golf, lapang sasaran golf atau akademi golf dengan aktiviti-aktiviti lain harus diwujudkan.

4.3 SELAMAT

Perancangan dan pembangunan guna tanah lain yang diintegrasikan dengan kawasan padang golf, lapang sasaran golf atau akademi golf hendaklah serasi serta menjamin keselamatan pemain dan penghuni-penghuni di dalam mahupun di sekitar kawasan pembangunan.

Sebagai contoh:

- peletakan guna tanah perumahan hendaklah di kawasan yang lebih tinggi dari *fairway*
- reka bentuk laluan *buggy* hendaklah di dalam kawasan zon penampakan atau di persisiran *fairway* dan *green*
- pemasangan *lightning arrestor* diperlukan sekiranya kawasan pembangunan merupakan kawasan berbahaya seperti kawasan bekas lombong

4.4 KEMUDAHSAMPAIAN

Rangkaian jalan utama yang dapat menghubungkan lokasi padang golf dengan kawasan di sekitarnya perlu dikenal pasti. Walaupun mempunyai nilai estetik yang tinggi, lokasi pembangunan yang terlalu jauh dari jalan utama akan mengurangkan tahap kemudahsampaian dan secara langsung menyukarkan kedatangan pengunjung.

5. GARIS PANDUAN UMUM

5.1 KLASIFIKASI GUNA TANAH

Berdasarkan klasifikasi guna tanah di dalam rancangan pemajuan, padang golf dan lapang sasaran golf diklasifikasikan sebagai *Tanah Lapang dan Rekreasi* di bawah kelas kegunaan kemudahan sukan dan rekreasi¹.

5.2 ZON PENAMPAN

Zon penampakan perlu disediakan sekurang-kurangnya **30 meter (100 kaki)** di antara pembangunan padang golf, lapang sasaran golf atau akademi golf dengan pembangunan lain di sekitarnya seperti kawasan perumahan, perniagaan, institusi atau mana-mana kawasan tumpuan awam yang lain (rujuk **Rajah 2**).

Zon penampakan perlu untuk memastikan aktiviti sukan golf tidak mengakibatkan impak negatif kepada pengguna dan aktiviti guna tanah lain.

Zon penampakan boleh menggunakan elemen-elemen seperti yang berikut:

¹ *Manual Rancangan Tempatan Edisi (2009) oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia*

i. Jalan raya

Jalan raya dengan lebar 30 meter (100 kaki) sesuai dijadikan zon penampakan. Jika kelebarannya kurang, ianya boleh disediakan sebagai sebahagian daripada zon penampakan yang boleh diintegrasikan bersama kawasan hijau.

ii. Kawasan rintangan (*hazard*)

Di padang golf, *hazard* boleh didapati dalam bentuk *water hazard* atau rintangan pasir (*sand bunker*). Zon penampakan dalam bentuk *water hazard* dapat diaplikasikan untuk dijadikan penampakan di antara kediaman dan *fairway* bagi mempertingkatkan imej landskap dan sebagai langkah keselamatan (rujuk **Foto 3**).

Foto 3: Contoh aplikasi *water hazard* sebagai penampakan (antara rumah dengan *fairway*)



iii. Kawasan hijau

Mengekalkan deretan pokok sedia ada yang bersesuaian dan secara kreatif mengaplikasikan kawasan tersebut sebagai zon penampakan di dalam reka bentuk padang golf. Ini dapat memelihara keindahan semula jadi berbanding penyediaan pagar konkrit yang akan mengurangkan nilai estetik terhadap reka bentuk pembangunan padang golf.

Selain penyediaan zon penampakan, susun atur kediaman selamat dicadangkan dibangunkan di belakang *teeing ground* (rujuk **Rajah 3**). Namun kebiasaannya, susun atur kediaman di dalam padang golf dibangunkan menghadap *fairway*. Oleh itu, zon penampakan diperlukan. Ilustrasi penyediaan zon penampakan berdasarkan peletakan komponen asas padang golf ialah seperti yang berikut (rujuk **Rajah 4**):


- i. *tee box* dan *green* perlu berada pada kedudukan dengan jarak minimum 250 meter daripada aktiviti guna tanah di sekitarnya; dan

- ii. zon penampakan dengan jarak minimum 30 meter (100 kaki) perlu disediakan dari kedudukan *fairway* sekiranya terdapat aktiviti guna tanah berselari di sekitarnya atau bersebelahan dengan *green*.


5.3 KOLAM TAKUNGAN

Kolam takungan (semula jadi atau buatan) perlu disediakan di dalam pembangunan padang golf untuk tujuan pengairan, penyelenggaraan rumput dan penyiraman landskap selain dapat berfungsi sebagai zon penampakan.

Rajah 2:
Zon penamparan dengan jarak minimum 30 meter



Rajah 3:
Cadangan susun atur kawasan kediaman di belakang teeing ground



Rajah 4:
Ilustrasi zon penamparan dalam bentuk jalan raya, pokok, kolam dan bunker sekiranya kediaman dibangunkan berselari dengan fairway



6. GARIS PANDUAN KHUSUS

Garis panduan khusus akan memperincikan perancangan fizikal kawasan pembangunan dan komponen-komponen kemudahan yang perlu disediakan bagi pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf.

6.1 PADANG GOLF

6.1.1 Jenis Padang Golf

Padang golf boleh digunakan untuk tujuan kejohanan dan rekreasi. Pengurusan kelab golf pula terdiri daripada jenis:

- *proprietary club*;
- *membership club*; dan
- kelab golf awam.

Jumlah jarak *fairway* minimum bergantung kepada reka bentuk padang golf tersebut.

6.1.2 Keluasan Pembangunan

Cadangan keluasan minimum pembangunan padang golf mengikut jumlah lubang ialah seperti berikut:

Jumlah Lubang	Cadangan Keluasan Minimum (ekar)
9	75
18	150

Sumber: Persatuan Golf Malaysia

6.1.3 Lokasi Pembangunan

Jadual 1: Lokasi pembangunan padang golf

DIBENARKAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Zon Pelancongan ii. Zon Pertanian iii. Zon Perindustrian iv. Zon Rekreasi dan Sukan v. Zon Institusi vi. Zon Perumahan (<i>dibenarkan untuk dibangun/diintegrasikan di dalam kawasan padang golf setelah memenuhi syarat yang telah ditetapkan</i>) vii. Pesisiran Pantai (<i>dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar</i>) viii. Tapak bekas lombong dan bekas tapak pelupusan sisa pepejal dan toksik (<i>dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield</i>)
-------------------	---

TIDAK DIBENARKAN	<p>i. Kawasan ekologi semula jadi (kawasan sensitif alam sekitar) yang meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pesisiran pantai - Dataran banjir, tanah lembab, tasik dan sungai - Tadahan air - Simpanan mineral dan bencana geologi - Pertanian makanan - Warisan semulajadi antikuiti - Rizab hidupan liar - Hutan simpan kekal - Pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi kecuali Bukit Tinggi dan Cameron Highland yang telah dikenal pasti sebagai kawasan pengurusan khas <p>ii. Kawasan kegunaan khas</p> <p>iii. Rizab utiliti</p>
-------------------------	--





6.1.4 Komponen Pembangunan

Komponen pembangunan padang golf terdiri daripada komponen asas, kemudahan sokongan (perlu sedia) dan kemudahan sokongan (pilihan).

a) Komponen Asas

Komponen asas pembangunan padang golf terdiri daripada:

<p>(i) Tee Box</p>		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan pemain memulakan <i>teeing shot</i> bola golf yang diletakkan di atas <i>tee</i> ke lubang di <i>green</i>. ▪ Setiap <i>teeing ground</i> mempunyai minimum tiga <i>tee box</i> yang ditandakan dengan <i>tee marker</i> supaya mudah dikenal pasti. Tiga kod warna asas <i>tee-marker</i> ialah merah (untuk perempuan); putih; dan biru. Kod warna ini membezakan jumlah jarak <i>tee</i> ke lubang di <i>green</i>. Manakala warna hitam merupakan kod warna <i>optional</i> untuk kejohanan.
-------------------------------	---	---

<p>(ii) Fairway</p>		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan di antara <i>tee box</i> dan <i>green</i>. ▪ Sempadan <i>fairway</i> kebiasaannya merupakan deretan pokok, belukar, kolam, parit, anak sungai atau laluan <i>buggy</i>.
<p>(iii) Water Hazard</p>		<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Water hazard</i> seperti kolam, tasik atau sungai direka bentuk untuk meningkatkan cabaran kepada pemain serta dapat berfungsi sebagai kolam takungan. Peraturan tertentu dikenakan kepada pemain sekiranya bola jatuh di dalam <i>water hazard</i>.
<p>(iv) Sand Bunker</p>		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Merupakan perangkap pasir yang direka bentuk bertujuan untuk meningkatkan cabaran kepada pemain ketika permainan. Pemain perlu menggunakan kayu golf khas untuk memukul bola daripada <i>sand bunker</i>.
<p>(iv) Green</p>		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan yang terdapatnya sasaran lubang. ▪ <i>Bunker</i> selalu terdapat di sekitarnya. ▪ Lubang ditanda dengan diletakkan bendera.

b) Kemudahan Sokongan

Perancangan fizikal pembangunan padang golf perlu menyediakan kemudahan-kemudahan berikut:

i. Rumah Kelab (6-10 ekar)

- pejabat pentadbiran;
- ruang istirahat;
- kafeteria;
- bilik persalinan (lelaki dan wanita);
- tandas (lelaki dan wanita); dan
- ruang solat (lelaki dan wanita).

ii. Tempat Letak Kenderaan

- 2 petak tempat letak kereta untuk 1 lubang golf;
- tambahan 1 petak untuk 15 meter persegi (m²) ruang lantai rumah kelab; dan
- tempat letak *buggy* (mengikut keperluan)

iii. Halfway Hut

- ruang istirahat;
- kafeteria;
- tandas (lelaki dan wanita); dan
- ruang solat (lelaki dan wanita).

c) Kemudahan Sokongan (Pilihan)

- i. kedai peralatan golf (*proshop*);
- ii. bilik rehat kedi;
- iii. bilik rawatan kecemasan;
- iv. kolam renang;

Foto 4: Contoh tempat letak *buggy*



Foto 5: Contoh kafeteria di *halfway hut* untuk kemudahan pemain golf berehat



Foto 6: Contoh kedai menjual peralatan golf



- v. gimnasium;
- vi. bilik mesyuarat/seminar;
- vii. bilik media;
- viii. bilik menunggu tetamu kenamaan;
- ix. dan lain-lain.

Selain itu, padang golf untuk kejohanan perlu mengambil kira kemudahan-kemudahan sokongan lain seperti kawasan tempat letak kereta sementara dan ruang tempat duduk pengunjung yang mencukupi apabila kejohanan sukan golf berlangsung.

Garis panduan perancangan ini memperincikan komponen pembangunan padang golf semata-mata. Pembangunan padang golf juga perlu memenuhi syarat-syarat garis panduan lain yang diterima pakai oleh pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan.


6.2 LAPANG SASAR GOLF

6.2.1 Keluasan Pembangunan

Keluasan pembangunan lapang sasaran golf bergantung sama ada ia dibangunkan sebagai kemudahan di padang golf atau secara berasingan (struktur bangunan serta komponen kemudahan yang disediakan).

Jarak minimum yang dicadangkan bagi *range* iaitu di antara *driving bay* dan *target marker* ialah 320 meter (rujuk **Rajah 5**). Manakala kelebaran *driving bay* bergantung kepada jumlah *bay* yang disediakan. Bagi setiap satu *driving bay*, ukuran minimum dicadangkan seperti di **Rajah 6**.

Rajah 5: Cadangan jarak minimum *fairway*



Rajah 6: Cadangan ukuran minimum *driving bay*



6.2.2 Lokasi Pembangunan

Jadual 2 menunjukkan lokasi pembangunan lapang sasaran golf yang dibenarkan dan tidak dibenarkan.

Jadual 2: Lokasi pembangunan lapang sasaran golf

DIBENARKAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Zon Pelancongan ii. Zon Pertanian iii. Zon Perindustrian iv. Zon Rekreasi dan Sukan v. Zon Institusi vi. Zon Perumahan (<i>dibenarkan untuk dibangun/diintegrasikan di dalam kawasan padang golf setelah memenuhi syarat yang telah ditetapkan</i>) vii. Persisiran Pantai (<i>dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar</i>) viii. Tapak bekas lombong dan bekas tapak pelupusan sisa pepejal dan toksik (<i>dibenarkan dengan syarat yang ditetapkan di dalam GPP Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield</i>)
-------------------	--

TIDAK DIBENARKAN

- i. Kawasan ekologi semula jadi (kawasan sensitif alam sekitar) yang meliputi:
 - Pesisiran pantai
 - Dataran banjir, tanah lembab, tasik dan sungai
 - Tadahan air
 - Simpanan mineral dan bencana geologi
 - Pertanian makanan
 - Warisan semulajadi antikuiti
 - Rizab hidupan liar
 - Hutan simpan kekal
 - Pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi kecuali Bukit Tinggi dan Cameron Highland yang telah dikenal pasti sebagai kawasan pengurusan khas
- ii. Kawasan kegunaan khas
- iii. Rizab utiliti

6.2.3 Komponen Pembangunan

Komponen pembangunan lapang sasaran golf terdiri daripada komponen asas, kemudahan sokongan (perlu sedia) dan kemudahan sokongan (pilihan).

a) Komponen Asas

Komponen asas pembangunan lapang sasaran golf terdiri daripada:

(i) Driving Bay



- Kawasan pemain memulakan pukulan bola golf ke arah *target marker*.
- Setiap *driving bay* perlu mempunyai tanda sempadan dan dilengkapi dengan *practice mat* serta bekas meletak bola golf.
- Jumlah minimum *driving bay* yang perlu disediakan ialah 12.

<p>(ii) Range</p>		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan di antara <i>driving bay</i> dan <i>target marker</i>. ▪ Jaring keselamatan perlu dipasang di sekeliling <i>range</i> bagi mengelakkan bola terpesong dan memberi impak negatif kepada kawasan sekitarnya.
<p>(iii) Target Marker</p>		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penanda yang menunjukkan jarak pukulan pemain dari <i>driving bay</i>.

b) Kemudahan Sokongan

Perancangan fizikal pembangunan lapang sasaran golf perlu menyediakan kemudahan-kemudahan berikut:

i. Struktur bangunan:

- pejabat pengurusan;
- tandas (lelaki dan wanita); dan
- ruang solat (lelaki dan wanita).

ii. Tempat Letak Kereta

iii. Jaring Keselamatan

Bergantung kepada keadaan sekeliling *range* dan tinggi struktur bangunan untuk *bay* di lapang sasaran golf.

Foto 7: Jaring keselamatan yang disediakan di lapang sasaran golf



c) Kemudahan Sokongan (Pilihan)

- i. ruang tempat duduk;
- ii. kafeteria;
- iii. kedai peralatan golf (*proshop*);
- iv. pusat servis peralatan golf;
- v. *putting green*;
- vi. *chipping green*;
- vii. *practice bunker*;
- viii. dan lain-lain.

Selain itu, pembangunan lapang sasaran golf juga perlu memenuhi syarat-syarat garis panduan lain yang diterima pakai oleh pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Foto 8: Ruang tempat duduk di belakang *driving bay*



6.3 AKADEMI GOLF

6.3.1 Reka Bentuk

Akademi golf direka bentuk dengan struktur bangunan yang menempatkan ruang khusus untuk sesi pembelajaran, dilengkapi dengan *range* dan beberapa kemudahan sokongan serta peralatan-peralatan khas untuk menyokong fungsinya.

6.3.2 Komponen Pembangunan

Komponen pembangunan akademi golf terdiri daripada komponen asas dan kemudahan sokongan.

a) Komponen Asas

Komponen asas pembangunan akademi golf terdiri daripada:

- i. pejabat pentadbiran;
- ii. ruang menunggu;
- iii. *classroom*;
- iv. tandas (lelaki dan wanita);
- v. ruang solat (lelaki dan wanita);
- vi. bilik persalinan (lelaki dan wanita);
- vii. tempat letak kereta dan *buggy* (mengikut keperluan); dan
- viii. pantri (jika perlu).

Classroom merupakan ruang yang disediakan untuk tujuan pembelajaran teori manakala latihan praktikal akan dilakukan di *driving bay*. Jika dibangunkan secara *attached* kepada lapang sasaran golf, pemain akan menggunakan sebahagian daripada *driving bay* yang dikhususkan untuk ahli akademi golf.

Namun, terdapat juga akademi golf yang menyediakan *teaching studio* untuk tujuan pembelajaran teori dan praktikal dan mempunyai *range* dan *target marker* yang khusus. *Teaching studio* tersebut dilengkapi dengan beberapa *practice mat* (**Foto 10**) sebagai *driving bay* latihan.

Selain itu, akademi golf mempunyai peralatan-peralatan khas yang digunakan untuk menyokong aktiviti di akademi golf sebagai contoh kamera perakam dan sistem komputer untuk merekod dan menganalisis latihan para pemain (bergantung kepada akademi golf).

Foto 9: Reka bentuk tempat letak *buggy*




Foto 10: Contoh *practice mat* di dalam *teaching studio*



Foto 11: Contoh-contoh suasana pembelajaran di akademi golf



7.0 PENUTUP

Pembangunan padang golf yang telah siap akan dinilai oleh *authorized body* iaitu Persatuan Golf Malaysia untuk menentukan *course* dan *slope rating* sebelum ia beroperasi. Namun, garis panduan perancangan ini hanya menjadi panduan kepada pihak-pihak yang merancang, mereka bentuk serta mengawal pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf sahaja.

Garis panduan perancangan ini seterusnya akan dapat:

- menghasilkan pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf secara bersepadu yang lebih terancang dan menjadi pelengkap kepada aktiviti guna tanah yang lain;
- memelihara kelestarian alam semula jadi;
- mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan dan keharmonian pembangunan padang golf, lapang sasaran golf dan akademi golf; dan
- memajukan arena sukan golf dengan penyediaan prasarana sukan golf yang lebih komprehensif.

RUJUKAN

- i. JPBD Semenanjung Malaysia (1997). Piawain Perancangan JPBD 5/97: Piawain Perancangan dan Pembangunan Padang Golf.
- ii. JPBD Semenanjung Malaysia (2011). Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kereta.
- iii. http://en.wikipedia.org/wiki/File:Golf_field.svg
- iv. <http://golftips.golfsmith.com/5-major-components-golf-course-1796.html>
- v. <http://id.wikipedia.org/wiki/Golf>
- vi. http://en.wikipedia.org/wiki/Driving_range
- vii. <http://www.dimensionsinfo.com/golf-driving-range-dimensions/>
- viii. <http://www.web-marketing.whims.ro/dge/content/files/2009092018143730000100/Driving%20Range%20Cat%20Vol%202.pdf>
- ix. http://wiki.answers.com/Q/What_size_are_bays_on_driving_range
- x. <http://tommymansuwan.wordpress.com/tag/the-mines/>

Gambar-gambar rujukan merupakan ihsan daripada *Glenmarie Golf and Country Club* dan *Saujana Golf and Country Club*, Shah Alam, Selangor.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Tel: 03-2081 6000
Faks: 03- 2094 1170
E-mel: bpp@townplan.gov.my
Laman web: www.townplan.gov.my



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur

ISBN 978-983-2839-32-3



9 789832 839323